

AKHBAR : SINAR HARIAN  
TARIKH : 7 OKTOBER 2023  
SENTIMEN : NEUTRAL

MUKA SURAT : 15  
HARI : SABTU

# Belia mahu peluang kerja, diskaun bayaran PTPTN

Kompeten dan tidak takut dengan cabaran mendatang.

"Kami juga sedikit terkilan sekiranya kerajaan tidak lagi meneruskan insentif pembayaran balik pinjaman PTPTN dalam pembentangan Belanjawan 2024 dan ia memberi kesan terhadap pelajar yang baru tamatkan pengajian.

"Belanjawan 2024 perlu lebih inklusif dan terbuka terutama dalam sistem pendidikan termasuk hal ehwal kebajikan mahasiswa," katanya.

Dalam pada itu, menurut Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknologi Mara (UiTM), Yusuf Hassan mencadangkan agar majikan memperuntukkan lebih 30 peratus jumlah graduan dalam semua sektor industri bagi membuka peluang pekerjaan.



MUHAMMAD IMAN



YUSUF



MUHAMMAD FATEH

Ujarnya, kerjasama daripada agensi kerajaan dan swasta dapat mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing sekali gus meningkatkan jumlah gaji minimum yang lebih baik.

"Graduan sentiasa mengharapkan dasar yang menggalakkan penciptaan pekerjaan dan memberi peluang kepada mereka untuk memasuki pasaran kerja

bagi meningkatkan kemahiran.

"Kerajaan perlu memperluaskan peluang kepada golongan mahasiswa untuk menjadi tenaga mahir dalam bidang mereka supaya pembangunan negara ini terus berkembang maju," jelasnya.

Sementara itu, Setiausaha Agung MPP Universiti Putra Malaysia (UPM), Muhammad Fateh Hazali berkata, kekurangan pendedahan dalam membina jaringan industri menyebabkan graduan terlepas peluang mendapatkan pekerjaan dalam bidang masing-masing.

"Kekurangan peluang untuk menambah baik bidang baru menyebabkan kadar pengangguran meningkat ditambah dengan bebanan hutang sehingga ada yang tidak dapat melunaskan pinjaman dan akhirnya disenarai hitam," katanya.